

**ResQ TEAM PDTSPU  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA**

**PENGENALAN**

Penubuhan ResQ Team PDTSPU atau Pasukan Penyelamat Pejabat Daerah dan Tanah SPU, ditubuhkan pada 1 Mac 2012 dengan keanggotaan seramai 30 orang yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah SPU. Asas penubuhan Pasukan ResQ Team ini adalah sebagai petugas yang memberi bantuan awal jika berlaku sesuatu kecemasan di pejabat sebelum ketibaan Pasukan Penyelamat ke lokasi kejadian. Objektif penubuhan pasukan ini adalah bertujuan :-

- a) Bagi mengambil tindakan awal jika berlaku kemalangan atau musibah di Pejabat Daerah dan Tanah SPU sebelum ketibaan Pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia atau pasukan penyelamat yang mempunyai kemahiran; dan
- b) Melaksanakan khidmat kemanusiaan semasa berlakunya apa-apa jua jenis kecemasan di premis PDTSPU.

**LAPORAN INOVASI**

**a) Tujuan Inovasi**

- i) Bagi mengambil tindakan awal jika berlaku kemalangan atau musibah di Pejabat Daerah dan Tanah SPU sebelum ketibaan Pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia atau pasukan penyelamat yang mempunyai kemahiran; dan
- ii) Melaksanakan khidmat kemanusiaan semasa berlakunya apa-apa jua jenis kecemasan di premis PDTSPU.

**b) Proses Pelaksanaan Inovasi**

Penubuhan pasukan ResQ Team PDTSPU adalah secara in-house di mana semua ahli yang menganggotai pasukan ini terdiri daripada kakitangan-kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah SPU. Kekuatan pasukan adalah terdiri daripada seramai 30 orang anggota.

**c) Proses Sebelum dan Selepas**

Sebelum penubuhan pasukan ResQ Team PDTSPU, pentadbiran ini tidak mempunyai pasukan bertindak sekiranya berlaku sesuatu kecemasan di pejabat ini. Anggota ResQ Team PDTSPU telah diajar latihan asas menyelamat dan teknik-teknik asas penggunaan peralatan menyelamat. Mereka juga turut didedahkan tentang langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil apabila berhadapan dengan situasi kecemasan.

ResQ Team PDTSPU telah diberi latihan asas dan pendedahan oleh Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) iaitu bagi menjaga, mencegah dan menyelamat nyawa. Satu siri latihan asas kepada anggota ResQ Team PDTSPU telah diadakan di pejabat JPAM, Jalan Bagan Jermal, Butterworth pada 10 Mei 2012. Antara kemahiran-kemahiran asas yang diberi semasa latihan adalah seperti berikut:

- i) Bagaimana mengenal pasti bahaya yang mendatang
- ii) Bagaimana untuk menguruskan kemalangan dengan kemahiran
- iii) Bagaimana untuk memikirkan secara kritikal akibat daripada situasi yang mendatang

Dengan penubuhan pasukan penyelamat ResQ Team PDTSPU, maka tindakan-tindakan awal menyelamat sebelum pasukan penyelamat yang berkemahiran tiba

di lokasi seperti Pasukan Bomba dan Penyelamat, Pasukan Polis, JPA3 dan sebagainya, anggota ResQ Team dapat memberi bantuan awal kecemasan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dengan musibah.

Latihan seumpama ini adalah perlu dan ianya menguji tahap kecergasan fizikal dan kecerdasan mental ahli pasukan bagi mengelakkan mereka menjadi panik dan kelam-kabut, terutama ketika berdepan situasi sebenar

d) **Elemen Penurunan Kuasa (Jika ada)**

Tidak berkenaan.

e) **Impak Inovasi terhadap kumpulan sasaran / perkhidmatan / jabatan / agensi / Negara;**

i) **Elemen Inovatif / Kreativiti**

Ahli ResQ Team PDTSPU didedahkan dengan asas-asas kemahiran memberi rawatan perubatan awal. Antaranya ialah :

- Pengetahuan dan pengendalian yang betul terhadap perubatan kecemasan termasuk CPR dan Pengurusan Spinal;
- Pengetahuan dan pengendalian peralatan perubatan kecemasan;
- Pengetahuan terhadap peraturan-peraturan tertentu yang berkaitan;
- Komunikasi dan perhubungan dengan perkhidmatan bantuan kecemasan dalam penghantaran mangsa.

ii) **Elemen Keberkesanan**

Peranan pasukan ResQ Team PDTSPU ini mungkin dianggap kecil pada mata masyarakat, namun buat pentadbiran PDTSPU, kehadiran pasukan ini

sedikit sebanyak mampu menyelamatkan nyawa ketika berlaku kecemasan. Malah, kepantasan berada dan hadir ke lokasi kejadian dalam tempoh singkat juga membantu mengurangkan risiko kerugian atau kehilangan nyawa yang dihadapi mangsa.

iii) **Elemen Signifikan**

Dapat bertindak dengan lebih cepat dilokasi kejadian dan dapat menyelamatkan harta benda atau nyawa sekiranya kecemasan berlaku.

iv) **Elemen Releven**

Penubuhan pasukan ResQ Team ini dilihat usaha memastikan kerja menyelamatkan sekiranya berlaku kecemasan dapat dilakukan dengan lebih pantas sebelum ketibaan pasukan penyelamat yang bertauliah seperti Pasukan Bomba & Penyelamat, Pasukan Polis dan sebagainya.

Walaupun usia baru setahun jagung dan tidak sehebat anggota penyelamat sebenar, Persatuan ResQ Team PDTSPU boleh berbangga apabila semua ahlinya yang terdiri daripada pelbagai peringkat usia telah berjaya melepasi beberapa tahap modul latihan dan kecekapan mengikut garis panduan ditetapkan JPA3.